

## Keberkesanan Penggunaan Bahasa dalam Akhbar Melayu: Tindak Balas Strategik Terhadap Literasi Kesihatan dalam Kalangan Pembaca Tempatan

### *The Effectiveness of Language Use in Malay Newspapers: A Strategic Response to The Health Literacy among the Local Readers*

Mohd Hazreen Shah Hassan<sup>1</sup>, Sharil Nizam Sha'ri<sup>2</sup> & Nor Azuwan Yaakob<sup>3</sup>

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
26 JANUARI 2019	29 MAC 2019	16 JULAI 2019

#### ABSTRAK

*Media dan masyarakat disatukan melalui bahasa, justeru strategi penggunaan bahasa yang berkesan akan memastikan proses penyampaian maklumat dalam rencana kesihatan berlangsung dengan lancar. Namun begitu, kesalahan dan kesilapan berbahasa dalam rencana kesihatan menyekat kelancaran tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi penggunaan bahasa penulisan rencana kesihatan dalam akhbar. Dari segi metodologi, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menganalisis data kajian. Dalam pada itu, data kajian diperolehi daripada dua buah akhbar berbahasa Melayu, iaitu Berita Harian dan Utusan Malaysia yang telah diterbitkan pada 01 Oktober 2016 sehingga 30 November 2016 yang kemudiannya dianalisis dengan menggunakan dua belas (12) ciri bahasa penulisan kewartawanan yang dikemukakan oleh Waterhouse (1989). Hasil kajian mendapati bahawa strategi penggunaan kata dalam rencana kesihatan ada kalanya mematuhi ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan dan ada kalanya tidak mematuhi ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan seperti yang disarankan oleh Waterhouse (1989) seperti penggunaan kata/istilah jargon, kesalahan ejaan dan penggunaan kata yang menunjukkan ketidakpastian. Strategi pembentukan ayat dalam rencana kesihatan juga didapati panjang dan melebihi jumlah maksimum patah perkataan yang disarankan. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa strategi penggunaan bahasa yang berkesan ditentukan oleh pemilihan perkataan yang tepat, mudah difahami, berpengaruh; dan pembentukan ayat yang pendek dan jelas walaupun gaya penulisan rencana kesihatan bergantung kepada topik kesihatan dan terikat dengan gaya penerbitan akhbar (house style).*

**Kata kunci:** *rencana kesihatan, bahasa penulisan kewartawanan, strategi kata, strategi ayat dan strategi bahasa.*

#### ABSTRACT

*Media and audiences are united through a language; therefore, the effective strategies of language usage will ensure the process of delivering information in health-article goes*

<sup>1</sup> Mohd Hazreen Shah Hassan, Siswazah, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, mohdhazreenshahputra@gmail.com

<sup>2</sup> Sharil Nizam Sha'ri, Ph.D, Pensyarah Kanan, , Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, sharil@upm.edu.my

<sup>3</sup> Nor Azuwan Yaakob, Ph.D, Pensyarah Kanan, , Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia. azuwan@upm.edu.my

*smoothly. However, errors and mistakes in language in the health-article slightly restricted the smoothness. Thus, this study was conducted to identify the strategies of the language usage in writing newspaper-health-article. In terms of methodology, researcher use the contents analysis method to analyse the data. Besides that, the research data is obtained from two Malay newspapers which are Berita Harian and Utusan Malaysia which had been published on 01 October 2016 till 31 November 2016 and then had been analysed with twelve (12) features of language of journalism writing by Waterhouse (1989). The research findings shown that the strategies of word usage in health-article sometimes follows and sometimes did not follow the features of language of journalism writing as suggested by Waterhouse (1989) like use of jargon terms, spelling mistakes and use of words that indicate uncertainty. Strategies of formatting sentences in the health-article are also appear long and exceed the maximum number of words suggested. However, this study finds that the effective language strategies of language usage determined by the chosen accurate word, easy-to-understand and influential; and the formation of short sentences and clear even though the writing style of health-article depends on the topic of health and bound with the style of newspaper publishing (house style).*

**Keywords:** *health-article, language of journalism writing, word strategy, sentence strategy and language strategy.*

## **Pendahuluan**

Akhbar menggunakan bahasa untuk mengungkapkan sesuatu maklumat kepada khalayak. Keupayaan penulis memanipulasikan bahasa dengan sebaik mungkin akan menghasilkan penulisan yang berupaya memberi impak positif dan mempengaruhi pembaca. Arba'ie Sujud (2010) menjelaskan bahawa bahasa mempunyai kuasa kata, iaitu bahasa mempunyai keupayaan untuk membentuk nilai estetik yang tersendiri kepada pembaca. Oleh hal yang demikian, penulisan yang baik dan berkesan haruslah mempunyai unsur kebahasaan yang jelas, padat, tepat, menarik dan mudah difahami oleh pembaca. Umum mengetahui bahawa, penulisan kewartawanan dalam akhbar adalah pelbagai. Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002) menyatakan bahawa penulisan kewartawanan terdiri daripada penulisan berbentuk wawancara, penulisan berita, ulasan, laporan dan rencana. Setiap penulisan kewartawanan ini mempunyai fungsinya yang tersendiri dan gaya penulisannya berbeza antara satu sama lain.

Penulisan rencana dalam akhbar terbatas penulisannya berbanding penulisan berita yang dilihat lebih dominan, tetapi penulisan rencana mempunyai fungsinya yang tersendiri untuk mengembangkan sesuatu berita. Penulisan rencana merujuk kepada berita atau kisah yang disusun secara deskriptif dengan menulis kata-kata yang menyentuh perasaan para pembaca sehingga timbul rasa kagum, takjub, hairan, geli, terharu, hiba, senang dan perasaan yang lain-lain (Faridah Ibrahim et al., 2016). Penulisan rencana dalam akhbar lebih tertumpu kepada perbincangan yang lebih menyeluruh dan berpengaruh, termasuklah penulisan rencana kesihatan. Rencana kesihatan dalam akhbar *Berita Harian* (BH) dan *Utusan Malaysia* (UM) mempunyai sisipannya yang tersendiri. Akhbar BH memperkenalkan sisipan *Sihat* yang diterbitkan pada setiap hari Sabtu, manakala akhbar UM mewujudkan sisipan *Kesihatan* yang diterbitkan pada setiap hari Ahad. Oleh itu, penggunaan bahasa yang jelas dan mudah difahami dalam penulisan rencana kesihatan akan menentukan sejauh manakah kelancaran kandungan rencana kesihatan tersebut untuk menyampaikan maklumat dengan baik atau sebaliknya kepada khalayak.

Dewasa ini, masyarakat di Malaysia dilanda dengan pelbagai masalah kesihatan terutamanya kencing manis, obesiti, darah tinggi dan buah pinggang. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2016), kadar kematian bagi rakyat Malaysia semakin meningkat saban tahun dan faktor utama peningkatan kadar kematian tersebut disebabkan oleh masalah kesihatan yang dialami oleh masyarakat tanpa mengira lapisan umur. Justeru, dalam usaha masyarakat untuk mengetahui maklumat berkaitan kesihatan, akhbar merupakan salah satu medium yang tepat untuk mendapatkan maklumat berkenaan. Peranan yang dimainkan oleh akhbar itu sendiri sebagai penyebar maklumat melalui paparan rencana kesihatan akan menggalakkan dan membantu masyarakat untuk memupuk gaya hidup sihat. Oleh itu, strategi penggunaan bahasa dalam penulisan rencana kesihatan dalam akhbar amat penting bagi memastikan pembaca dapat memahami kandungan rencana yang diterangkan dengan baik sekali gus mempengaruhi tingkah laku pembaca.

Namun begitu, salah satu permasalahan penggunaan bahasa yang sering berlaku dalam penulisan kewartawanan akhbar, termasuklah penulisan rencana adalah berkaitan dengan kesalahan dan kesilapan berbahasa. Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) menyatakan bahawa, bukan semua penulisan dalam surat khabar didapati memenuhi kehendak rumus tatabahasa Melayu, malah masih berlakunya kesilapan dan kesalahan berbahasa dalam penulisan kewartawanan yang dihasilkan. Dalam pada itu, masalah ini juga secara tidak langsung akan memusnahkan nilai kegramatisan dalam bahasa Melayu (Illias Zaidi, 2010) walaupun pihak media cuba untuk mempertahankan laras laporannya.

Menurut Mior Kamarul Shahid (2015) dan Jeniri Amir (2005), kekerapan kesalahan berbahasa yang dilakukan oleh media dan disiarkan secara berterusan kepada khalayak akan menyebabkan pembaca menerimanya sebagai sesuatu yang betul. Sharil Nizam Shari (2010) pula menyatakan bahawa, dalam penulisan kewartawanan termasuklah rencana, didapati berlakunya pembaziran bahasa, khususnya dalam aspek tatabahasa, leksikal dan ortografi. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan berlakunya kelewahan bahasa dalam penulisan kewartawanan, sekali gus, ia turut mengundang kepada kekaburan dan kekeliruan makna kepada khalayak pembaca. Menyedari hakikat tersebut, kajian ini dijalankan untuk meneliti strategi penggunaan bahasa dalam penulisan rencana kesihatan dalam akhbar dalam menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan pembaca.

### Sorotan Kajian

Kajian yang dilakukan oleh Sharil Nizam Sha'ri dan Mohd Hazreen Shah Hassan (2016) menyatakan bahawa akhbar berupaya mencambah pengetahuan dan mempertingkatkan kematangan pembacanya, termasuklah akhbar kampus. Hasil kajian Sharil Nizam Sha'ri dan Mohd Hazreen Shah Hassan (2016) mendapati bahawa bahasa yang digunakan di dalam penulisan berita kampus bersifat mudah untuk difahami dalam memaparkan berita berkaitan dengan peristiwa di kampus, program-program anjuran universiti, kejayaan para pelajar dan staf Universiti Putra Malaysia (UPM), malah kandungan beritanya pula mampu merangsang minda pelajar dan staf UPM.

Bagi Kartini Abd. Wahab dan Zulkifley Hamid (2015), dalam komunikasi sehari-hari, sama ada dalam konteks lisan mahupun tulisan, sering kali berlaku hambatan atau halangan berbahasa yang boleh merencatkan proses penyampaian sesuatu maklumat kepada golongan sasaran. Terdapat empat kategori aspek kebahasaan yang menghambat pemahaman ke atas

teks berita dalam kalangan khalayak pembaca, iaitu perbezaan perbendaharaan kata bagi kedua-dua bahasa, kelainan penggunaan imbuhan, kelainan akronim dan kelainan kata pinjaman. Selain itu, Agu (2015) menjelaskan bahawa penggunaan kata dan frasa berbunga-bunga (*flowery words*) dalam penulisan berita, malah penggunaan istilah jargon juga menyebabkan mesej yang ingin disampaikan sukar difahami oleh pembaca sekali gus menyebabkan kandungan berita menjadi sia-sia.

Menerusi kajian yang dijalankan oleh Ehineni (2014) menunjukkan bahawa aspek linguistik (leksikal dan struktur ayat) dalam media cetak seperti akhbar perlu menitikberatkan aspek kesederhanaan dan kejelasan (*simplicity and clarity*) agar ianya mudah difahami oleh khalayak. Menurutnya lagi, pemilihan leksikal khususnya penggunaan singkatan dan akronim dalam penulisan perlulah bersifat umum, malah singkatan dan akronim yang tidak diketahui umum perlu dielakkan penggunaannya. Pembentukan ayat melalui proses pengguguran dan penggantian perlulah tepat bagi mengelakkan berlakunya kekaburan makna terhadap mesej yang ingin disampaikan (Ehineni, 2014).

Di samping itu, unsur kelewahan dalam penulisan kewartawanan perlu dielakkan bagi memberi pemahaman yang menyeluruh kepada pembaca (Hamidah Abdul Wahab, 2012). Antara aspek kelewahan yang telah dikenal pasti oleh Hamidah Abdul Wahab (2012) adalah seperti imbuhan, perkataan, frasa dan ayat, malah terdapat juga kelewahan dari segi pengulangan idea dalam penulisan kewartawanan. Dalam pada itu, Azean Idruwani Idrus dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2011) turut menjelaskan bahawa penulis berita gagal untuk membezakan setiap fungsi yang didukung oleh setiap penggolongan kata yang digunakan yang akhirnya menyebabkan berlakunya kesilapan dalam penggunaannya.

Seterusnya, Nor Azuwan Yaakob (2008) menjelaskan bahawa aspek retorik merupakan aspek penting bagi memastikan keberkesanan penyampaian maklumat kepada khalayak. Penelitian Nor Azuwan Yaakob (2008) terhadap aspek retorik dinilai dalam tiga aspek, iaitu aspek leksikal (kata), sintaksis (ayat) dan juga wacana. Hasil kajian Nor Azuwan Yaakob (2008) mendapati bahawa penggunaan kata dalam akhbar BH memenuhi kekuatan retorik kewartawanan dan dari segi pembentukan ayat pula, sebahagian besar menunjukkan bahawa ianya memenuhi ciri kesatuan gagasan dan sesetengahnya pula tidak sekali gus menjejaskan keberkesanan penyampaian maklumat.

Menurut Mohd Rajib Ab Ghani dan Faridah Ibrahim (1987), bagi mengelakkan dari berlakunya kekeliruan dan kemungkinan salah bahasa dalam penulisan kewartawanan, penulis tidak boleh menggunakan ungkapan atau kata-kata yang tidak difahami oleh pembaca. Namun begitu, kajian oleh Mohd Rajib Ab Ghani dan Faridah Ibrahim (1987) mendapati bahawa, terdapat penulis yang mencipta ungkapan dan kata-katanya sendiri apabila menghadapi masalah untuk memilih diksi yang tepat bagi menggambarkan sesuatu situasi yang ingin dijelaskan. Mohd Rajib Ab Ghani dan Faridah Ibrahim (1987) turut menjelaskan bahawa kata-kata atau ungkapan yang telah dicipta didapati tidak membawa pengertian yang tepat terhadap perkara yang ingin disampaikan oleh penulis, malah ia boleh disalah erti sehinggakan membawa maksud yang negatif.

Oleh hal yang demikian, bahasa yang digunakan dalam penulisan kewartawanan perlulah bersifat jelas dan mudah untuk difahami oleh golongan sasaran. Penggunaan kata atau pembentukan ayat yang kabur akan menyukarkan pembaca untuk memahami kandungan penulisan kewartawanan dengan baik. Menurut Sharil Nizam Sha'ri (2010), penggunaan

bahasa yang tepat, standard dan segar akan menghasilkan penulisan yang berpengaruh, diminati dan sukar dilupakan oleh pembaca.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menganalisis data kajian. Pengkaji memilih rencana kesihatan sebagai sampel kajian yang diperolehi daripada dua buah akhbar berbahasa Melayu, iaitu BH dan UM yang telah diterbitkan daripada 01 Oktober 2016 sehingga 30 November 2016. Pemilihan rencana kesihatan dalam akhbar sebagai sampel kajian kerana sifat akhbar itu sendiri sebagai penyebarkan maklumat dan paparan rencana kesihatan yang diperuntukkan akan membantu pembaca memperoleh pengetahuan untuk memahami konsep gaya hidup sihat. Oleh itu, penelitian terhadap aspek bahasa dalam penulisan rencana kesihatan dilihat begitu penting agar maklumat yang disampaikan dapat difahami oleh pembaca. Secara statistiknya, jumlah rencana yang dikaji adalah sebanyak 28 buah rencana (14 BH: 14 UM). Jadual 1 menunjukkan senarai tajuk rencana kesihatan yang dikaji.

**Jadual 1: Tajuk Rencana Kesihatan bagi Akhbar UM dan BH**

UM	BH
<i>Hepatitis C Pembunuh Senyap</i>	<i>Kurangkan risiko serangan darah tinggi</i>
<i>Kepentingan diet ketogenik</i>	<i>Gangguan mental jejas kualiti hidup</i>
<i>Aplikasi senaman 7 minit</i>	<i>Diabetes serangan remaja gemuk</i>
<i>Faedah dan khasiat Ganoderma Lucidum</i>	<i>Nafas terhenti ketika tidur</i>
<i>Rahsia berat badan ideal</i>	<i>Tangani serangan paru-paru progresif</i>
<i>Rawatan tepat pesakit kanser</i>	<i>Saluran air mata tersumbat</i>
<i>Sakit jantung tidak kenal usia</i>	<i>Makanan ringan jejas fungsi otak</i>
<i>Ketahui ancaman influenza</i>	<i>Harapan baru penerima organ</i>
<i>Amalan cuci tangan bantu lindungi kesihatan</i>	<i>Gangguan saraf muka</i>
<i>Gaya hidup tidak sihat punca sakit belakang</i>	<i>Kawal tahap lemak abdomen</i>
<i>Bunuh diri dan kesihatan mental</i>	<i>Nutrien bantu atasi komplikasi diabetes</i>
<i>Rotavirus ancam bayi dan kanak-kanak</i>	<i>Natrixam kawal hipertensi</i>
<i>Panduan mengurangkan masa sedentari</i>	<i>Generasi muda turut hidap diabetes</i>
<i>Aduh! Sakitnya bunion...</i>	<i>Pendakap gigi palsu boleh meragut nyawa</i>

Seterusnya, sampel kajian dianalisis dengan menggunakan pendekatan yang dikemukakan oleh Waterhouse (1989), iaitu ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan. Pendekatan ini mengemukakan 12 ciri bahasa penulisan kewartawanan yang perlu dijadikan panduan dalam kalangan penulis rencana untuk menghasilkan penulisan yang baik dan mudah difahami. Berikut merupakan 12 ciri bahasa penulisan kewartawanan yang disarankan oleh Waterhouse (1989):

1. menggunakan kata yang khusus, bukan yang umum;
2. menggunakan kata yang konkrit, bukan yang abstrak;
3. menggunakan kata yang biasa, bukan kata tidak lazim;
4. menggunakan pernyataan secara positif, bukan secara nafi;
5. elakkan penggunaan kata yang emotif dan dramatik;
6. elakkan penggunaan perkataan yang berangkaian untuk menyatakan sesuatu maksud yang mudah;
7. elakkan penggunaan perkataan yang membawa makna yang sama;

8. elakkan penggunaan perkataan yang menunjukkan ketidakpastian;
9. elakkan penggunaan perkataan yang tidak jelas kuantitinya;
10. elakkan penerangan yang berlebihan;
11. menggunakan perkataan yang betul ejaan dan maknanya; dan
12. elakkan penggunaan perkataan yang jargon dan klise.

Namun begitu, kesemua ciri bahasa penulisan kewartawanan yang dikemukakan oleh Waterhouse (1989) telah diubah suai supaya bertepatan dengan data kajian yang diperolehi. Nor Azuwan Yaakob (2008) menjelaskan bahawa pengubahsuaian terhadap sesuatu kerangka kajian dilakukan supaya kajian yang dijalankan tidak bersifat memaksa data untuk menurut kerangka yang dikemukakan, sebaliknya pendekatan yang digunakan selari dengan korpus data kajian. Oleh hal yang demikian, aspek bahasa yang difokuskan dalam kajian ini ialah dibahagikan kepada dua strategi berdasarkan saranan Waterhouse (1989), iaitu strategi penggunaan kata (*penggunaan kata atau istilah jargon, penggunaan kata tidak lazim, kesalahan ejaan dan juga penggunaan kata yang menunjukkan ketidakpastian*) dan juga strategi pembentukan ayat (*penerangan ayat yang panjang*).

### Dapatan Kajian

Hasil kajian mendapati bahawa strategi penggunaan kata dalam rencana kesihatan ada kalanya mematuhi ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan dan ada kalanya tidak mematuhi ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan seperti yang disarankan oleh Waterhouse (1989) seperti penggunaan kata atau istilah jargon, penggunaan kata tidak lazim, kesalahan ejaan dan juga penggunaan kata yang menunjukkan ketidakpastian. Strategi pembentukan ayat dalam rencana kesihatan pula didapati panjang dan melebihi jumlah maksimum patah perkataan yang disarankan. Jadual 1 menunjukkan perbandingan kekerapan terhadap fokus perbincangan bagi strategi penggunaan kata/ayat dalam akhbar BH dan UM yang tidak menepati ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan seperti mana yang disarankan oleh Waterhouse (1989).

**Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Data Kajian bagi Kedua-dua Buah Akhbar**

Perkara	A	B	C	D	E	Jumlah Keseluruhan	Peratusan Keseluruhan (%)
Akhbar BH	27	18	3	8	23	79	48
Peratusan Akhbar BH (%)	34	23	4	10	29	-	100
Akhbar UM	18	15	13	12	28	86	52
Peratusan Akhbar UM (%)	21	17	15	14	33	-	100
<b>Jumlah Keseluruhan Data</b>	<b>45</b>	<b>33</b>	<b>16</b>	<b>20</b>	<b>51</b>	<b>165</b>	<b>-</b>
<b>Peratusan Keseluruhan Data (%)</b>	<b>27</b>	<b>20</b>	<b>10</b>	<b>12</b>	<b>31</b>	<b>-</b>	<b>100</b>

Petunjuk:

A= Penggunaan istilah jargon

B= Penggunaan kata tidak lazim

C= Penggunaan kata yang menunjukkan ketidakpastian

D= Kesalah ejaan

E= Penerangan ayat yang berlebih-lebihan


Berdasarkan analisis data dalam Jadual 1, jumlah keseluruhan data yang diperolehi bagi kajian ini adalah sebanyak 165 penggunaan bahasa yang tidak menepati saranan Waterhouse (1989). Daripada jumlah tersebut, akhbar UM mencatatkan jumlah tertinggi,

iaitu sebanyak 86 penggunaan bahasa yang tidak menepati ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan bersamaan dengan 52% berbanding akhbar BH yang mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak 79 penggunaan bahasa yang tidak menepati ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan, iaitu sebanyak 48% daripada jumlah keseluruhan data yang di temui.

Bagi akhbar UM, jumlah tertinggi bagi penggunaan bahasa yang tidak menepati ciri-ciri bahasa penulisan kewartawanan ialah penerangan ayat yang berlebihan, iaitu sebanyak 28 penggunaan, bersamaan dengan 33% daripada jumlah keseluruhan, diikuti dengan penggunaan istilah jargon sebanyak 18 penggunaan bersamaan dengan 21%. Penggunaan kata tidak lazim pula mencatatkan jumlah sebanyak 15 penggunaan, iaitu 17%. Bagi penggunaan kata yang menunjukkan ketidakpastian, sebanyak 13 penggunaan dan kesalahan ejaan pula mencatatkan sebanyak 12 kesalahan bersamaan dengan 14%.

Di samping itu, pengkaji juga mendapati bahawa jumlah tertinggi bagi penggunaan bahasa yang tidak menepati saranan Waterhouse (1989) bagi akhbar BH ialah penggunaan istilah jargon, iaitu sebanyak 27 penggunaan, bersamaan dengan 34%, diikuti dengan penerangan ayat yang berlebih-lebihan 23 penggunaan (29%). Seterusnya, penggunaan kata tidak lazim pula mencatatkan sebanyak 23% daripada jumlah keseluruhan data bagi akhbar BH. Selain itu, kesalahan ejaan dalam akhbar BH mencatatkan jumlah kesalahan sebanyak 10 kesalahan. Kata yang menunjukkan ketidakpastian pula merekodkan sebanyak 3 penggunaan bersamaan dengan 4%. Lanjutan itu, Jadual 2 menunjukkan perbandingan kekerapan bagi penggunaan kata dan ayat dalam akhbar BH dan UM.

**Jadual 2: Perbandingan Penggunaan Kata dan Ayat bagi Akhbar BH dan UM**



Petunjuk:

- A= Penggunaan istilah jargon
- B= Penggunaan kata tidak lazim
- C= Penggunaan kata yang menunjukkan ketidakpastian
- D= Kesalah ejaan
- E= Penerangan ayat yang berlebih-lebihan

Bagi memudahkan proses menganalisis data kajian, pengkaji membahagikan skop perbincangan kepada dua, iaitu dari segi penggunaan perkataan dan pembentukan ayat dalam penulisan rencana kesihatan.

## Strategi Penggunaan Perkataan dalam Penulisan Rencana Kesihatan

Bahagian ini membincangkan strategi penggunaan perkataan dalam penulisan rencana kesihatan, iaitu gunakan istilah yang diketahui umum, elakkan penggunaan istilah jargon, elakkan penggunaan kata yang menunjukkan ketidakpastian, gunakan kata lazim dan elakkan penggunaan kata tidak lazim serta ketepatan dalam mengeja perkataan.

### 1. Gunakan istilah yang diketahui umum dan elakkan istilah jargon

Salah satu strategi penggunaan perkataan dalam penulisan rencana kesihatan ialah mengelakkan penggunaan istilah jargon. Istilah jargon merujuk kepada penggunaan istilah khusus dan teknikal dalam bidang tertentu, tetapi tidak digunakan dan difahami secara meluas oleh kebanyakan masyarakat (Roosfa Hashim, 2011). Analisis data kajian mendapati bahawa sebanyak 45 penggunaan istilah jargon dalam rencana kesihatan bagi kedua-dua akhbar (27BH:18UM). Penggunaan istilah jargon berkaitan bidang perubatan ini secara tidak langsung akan menyukarkan pembaca untuk memahami teks rencana jika tidak disertai dengan definisi yang jelas terhadap istilah tersebut. Dalam pada itu, penelitian pengkaji turut mendapati bahawa segelintir penulis memberi definisi terhadap penggunaan istilah jargon yang digunakan dan terdapat juga segelintir penulis pula tidak memberi definisi pada istilah tersebut. Di samping itu, terdapat juga beberapa istilah dalam bidang perubatan yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, bagi mengelakkan penggunaan istilah jargon, penulis disarankan untuk menggunakan perkataan yang lebih lazim sifatnya dan diketahui umum oleh segenap lapisan masyarakat.

Istilah *hipertensi* yang digunakan dalam tajuk rencana '*Natrixam kawal hipertensi*' merupakan antara contoh penggunaan istilah jargon dan pengkaji mencadangkan agar penulis menggunakan istilah 'tekanan darah tinggi' agar kandungan rencana kesihatan lebih mudah difahami oleh pembaca. Hal ini demikian kerana, istilah tersebut lebih bersifat umum berbanding penggunaan istilah hipertensi. Contoh lain penggunaan istilah jargon dalam bidang perubatan yang telah dikenal pasti oleh pengkaji adalah seperti *sedentari*, *kadar prevalen lakuan*, *rotavirus*, *klorinator*, *influenza*, *mikroskopik*, *ketoris*, *sistolik*, *masa skrin*, *bronkitis*, *onkologi*, *sirosis hati* dan *ketogenik* dalam rencana kesihatan bagi akhbar UM, manakala istilah jargon seperti *karies*, *moloklusi*, *resopsi*, *sistolik*, *saraf kranial*, *psikiatri*, *bipolar* dan *skizofrenia* ditemui dalam rencana kesihatan bagi akhbar BH.

Selain itu, contoh petikan di bawah merupakan antara contoh penggunaan istilah jargon yang disertai dengan definisinya.

#### Contoh Petikan 1:

"...Mata dan badan berubah kuning. Kaki dan perut bengkak. Keletihan, kurang selera makan, muntah dan loya. Awas! Ini mungkin tanda-tanda seseorang menghadapi **hepatitis** atau **radangan hati**"

(Sumber: UM, Hepatitis C Pembunuh Senyap, 27 November 2016)

#### Contoh Petikan 2:

"...ibu jari membesar dan terasa sakit, sehingga mengakibatkan kesulitan ketika bersenam dan berjalan. Keadaan ini yang dikenali sebagai Bunion.

**Bunion sebenarnya mencerminkan perubahan dalam kerangka tulang dan sendi ibu jari kaki.** Dengan adanya bunion, maka ibu jari kaki menyimpang terhadap jari kaki lain yang lebih rendah dan tulang di mana ibu jari kaki bergerak ke arah tubuh.”

(Sumber: UM, Aduh! Sakitnya Bunion..., 02 Oktober 2016)

Penggunaan istilah jargon yang disertai dengan definisi atau penjelasan tertentu akan memudahkan pembaca untuk memahami kandungan rencana dengan lebih baik. Oleh hal yang demikian, strategi yang boleh diaplikasi oleh penulis adalah dengan menggunakan kata yang diketahui umum dan jika penulis menggunakan istilah jargon, penulis disarankan untuk mengemukakan definisi atau penjelasan yang sewajarnya berkaitan istilah tersebut.

Dalam pada itu, satu hakikat yang perlu penulis sedar bahawa bahasa Melayu telah mengalami perkembangan yang pesat dalam proses penciptaan istilah bagi memenuhi keperluan dan kehendak semasa, termasuklah dalam bidang perubatan. Walaupun penggunaan istilah jargon ini agak sukar untuk dielakkan, penulis perlu berusaha untuk mencari padanan yang sewajarnya dalam bahasa Melayu terhadap istilah tersebut. Penulis boleh merujuk laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (<http://prpm.dbp.gov.my/>) untuk mendapatkan padanan yang sesuai berkaitan istilah/kata tersebut dalam bahasa Melayu.

## 2. Elakkan penggunaan kata yang menunjukkan ketidakpastian

Strategi seterusnya adalah dengan mengelakkan penggunaan kata yang menunjukkan ketidakpastian. Hasna A. Rahmatu (2013) menjelaskan bahawa, kata yang menunjukkan kepastian merupakan kata yang menghubungkan bahagian dalam sesebuah wacana yang menunjukkan satu hal yang tidak pasti atau menggambarkan keraguan. Antara contoh kata yang menunjukkan ketidakpastian adalah seperti kata  *mungkin*  dan  *barangkali* . Berdasarkan analisis perbandingan dalam Jadual 2, akhbar UM mencatatkan penggunaan kata yang menunjukkan ketidakpastian lebih tinggi berbanding akhbar BH, iaitu dengan 13 penggunaan berbanding 3 penggunaan dalam akhbar BH. Petikan di bawah antara contoh penggunaan kata yang menunjukkan ketidakpastian yang telah dikenal pasti oleh pengkaji.

### Contoh Petikan 1:

“... **mungkin**  gaya hidup masa kini yang tidak banyak pergerakan bermula pada zaman kana-kanak yang kini...”

(Sumber: UM, Sakit jantung tidak kenal usia, 13 November 2016.)

### Contoh Petikan 2:

“...boleh membantu pesakit mengelakkan rawatan tidak berkesan, tidak perlu dan  **mungkin**  memudaratkan dan terbukti bahawa...”

(Sumber: UM, *Rawatan tepat pesakit kanser*, 20 November 2016)

Penggunaan kata  *mungkin*  dalam dua petikan di atas menjelaskan suatu keadaan yang menunjukkan ketidakpastian dan menggambarkan suatu perihal yang meragukan. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan pembaca berasa tidak yakin dan was-was dengan apa yang dinyatakan oleh penulis dalam rencana berkenaan. Oleh hal yang demikian, bagi

mengelakkan penilaian dalam kalangan pembaca sedemikian rupa, penulis disarankan untuk menggugurkan kata tersebut dan menggantikan dengan perkataan yang mampu meyakinkan pembaca.

### 3. Gunakan kata lazim dan elakkan kata tidak lazim

Penulis juga disarankan untuk menggunakan kata lazim dan mengelakkan penggunaan kata yang tidak lazim sifatnya. Kata yang lazim merujuk kepada penggunaan kata yang diketahui dan digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat, manakala kata tidak lazim pula merujuk kepada kata yang tidak digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat dan hanya digunakan oleh golongan-golongan tertentu sahaja. Analisis data kajian mendapati bahawa akhbar BH mencatatkan sebanyak 18 penggunaan dan akhbar UM pula mencatatkan sebanyak 15 penggunaan. Lanjutan itu, petikan di bawah merupakan antara contoh petikan penggunaan kata tidak lazim yang ditemui dalam rencana kesihatan.

Contoh Petikan 1:

“...Rawatan terbaharu yang dikenali sebagai Natrixam itu menawarkan pilihan kepada pengamal perubatan bagi merawat penyakit **hipertensi**...”

Cadangan Pembedahan:

“...Rawatan terbaharu yang dikenali sebagai Natrixam itu menawarkan pilihan kepada pengamal perubatan bagi merawat penyakit **darah tinggi**...”

(Sumber: BH, Natrixam kawal hipertensi, 15 Oktober 2016)

Penulis rencana perlu sedar bahawa pembaca akhbar terdiri daripada pelbagai lapisan umur dan bukan semua dalam kalangan pembaca mengetahui akan kata-kata yang berstandard tinggi atau ilmiah sifatnya. Oleh hal yang demikian, penulis rencana disarankan untuk menggunakan kata yang lazim sifatnya kerana kata tersebut diketahui dan digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat seperti mana dalam cadangan pembedahan yang menggunakan kata lazim dalam pembentukan ayatnya.

### 4. Semak semula ejaan dan elakkan berlakunya kesalahan

Dalam pada itu, terdapat juga beberapa perkataan yang disalah eja dalam penulisan rencana kesihatan bagi akhbar BH dan UM sedangkan Waterhouse (1989) menyarankan penulis untuk memastikan setiap perkataan yang dieja adalah betul. Hasil analisis mendapati bahawa kesalahan ejaan bagi akhbar UM lebih tinggi daripada akhbar BH, iaitu sebanyak 12 kesalahan berbanding akhbar BH yang mencatatkan 8 kesalahan. Berikut merupakan antara contoh petikan yang mempunyai perkataan yang dieja salah dalam penulisan rencana kesihatan:

Contoh Petikan 1:

“...kalangan individu dewasa ialah **mengenalpasti** dorongan yang boleh mencetus perubahan...”

Pembetulan:

“...kalangan individu dewasa ialah **mengenal pasti** dorongan yang boleh mencetus perubahan...”

(Sumber: UM, 23 Oktober 2016, *Amalan cuci tangan bantu lindungi kesihatan*)

Contoh Petikan 2:

“...kanser adalah perkataan menakutkan dan **dikenal pasti** sebagai punca kematian...”

Pembetulan:

“...kanser adalah perkataan menakutkan dan **dikenal pasti** sebagai punca kematian...”

(Sumber : UM, 20 November 2016, *Rawatan tepat pesakit kanser*)

Kesalahan ejaan ini mungkin berpunca kepada kurangnya pengetahuan penulis terhadap ilmu tatabahasa atau kekeliruan terhadap cara mengeja kata majmuk yang menerima imbuhan awalan dan juga apitan. Apabila terlalu kerap berlakunya kesalahan ejaan dalam penulisan yang dihasilkan, pembaca akan menerimanya sebagai satu ejaan yang betul. Hal ini secara tidak langsung akan memusnahkan kegramatisan bahasa Melayu dalam penulisan yang dihasilkan. Oleh hal yang demikian, penulis disarankan untuk melakukan beberapa kali proses pengeditan sebelum rencana yang dihasilkan diterbitkan untuk tatapan pembaca.

### **Strategi Pembentukan Ayat dalam Penulisan Rencana Kesihatan**

Dari segi pembentukan ayat, strategi yang disarankan oleh Waterhouse (1989) adalah dengan menggunakan ayat yang singkat dan mengelakkan penerangan yang berlebih-lebihan. Waterhouse (1989) tidak menghuraikan strategi ini dengan lebih terperinci. Namun begitu, penelitian pengkaji terhadap sarjana lain berkaitan strategi ini memperlihatkan bahawa maksimum patah perkataan dalam sesuatu ayat penulisan kewartawanan yang dinyatakan oleh Baker-Woods et al. (1977) ialah 30 patah perkataan, malah ayat yang melebihi jumlah kata tersebut menjadikan ayat tersebut ayat yang kompleks dan kabur maknanya.

Oleh hal yang demikian, hasil penelitian pengkaji mendapati bahawa pembentukan ayat yang panjang dalam penulisan rencana mencatatkan jumlah penggunaan paling tinggi berbanding aspek lain, iaitu sebanyak 51 penggunaan. Daripada jumlah tersebut, akhbar UM mencatatkan sebanyak 28 penggunaan, manakala akhbar BH mencatatkan sebanyak 23 penggunaan. Berikut merupakan beberapa contoh pembentukan ayat yang mengandungi penerangan yang berlebih-lebihan:

Contoh Petikan 1:

“Selain pengurangan masa skrin, pakar senaman dan kesihatan juga mencadangkan pengurangan kebergantungan terhadap teknologi bermotor dalam pergerakan seharian seperti menggunakan tangga berbanding

menggunakan lif, menaiki basikal berbanding motor dan lain-lain lagi (**31 patah perkataan**).”

Cadangan Pembedahan:

“Selain pengurangan masa skrin, pakar senaman dan kesihatan juga mencadangkan pengurangan kebergantungan terhadap teknologi bermotor dalam pergerakan seharian (**18 patah perkataan**). Antara aktiviti yang disarankan adalah seperti menggunakan tangga berbanding menggunakan lif, menaiki basikal berbanding motor dan lain-lain lagi (**18 patah perkataan**).”

(Sumber: UM, 09 Oktober 2016, *Panduan mengurangkan masa sedentari*)

Contoh Petikan 2:

“Bagi bayi dan kanak-kanak, antara cadangan khusus bagi mencapai matlamat ini adalah membataskan penggunaan tempat duduk bayi semasa sedar, kerap berhenti semasa pemanduan jarak jauh, membataskan skrin, menetapkan peraturan masa bagi penggunaan skrin paparan, dan mengelak dari meletakkan televisyen di bilik tidur (**42 patah perkataan**).”

Cadangan Pembedahan:

“Bagi bayi dan kanak-kanak, antara cadangan khusus bagi mencapai matlamat ini adalah membataskan penggunaan tempat duduk bayi semasa sedar dan kerap berhenti semasa pemanduan jarak jauh (**26 patah perkataan**). Selain itu, ibu bapa juga boleh membataskan penggunaan skrin, menetapkan peraturan masa bagi penggunaan skrin paparan, dan mengelak dari meletakkan televisyen di bilik tidur (**24 patah perkataan**).”

(Sumber: UM, 09 Oktober 2016, *Panduan mengurangkan masa sedentari*)

Contoh Petikan 3:

“Perkhidmatan Kesihatan Mental Komuniti ini bertujuan untuk mengurangkan jangka masa rawatan di wad, membuat intervensi rawatan susulan di rumah selepas konsultasi dengan pakar, membuat penilaian psikososial, memperkasakan sokongan keluarga atau penjaga sakit melalui pendidikan kesihatan dan mengesan gejala-gejala awal penyakit yang dikhuatiri akan berulang (**41 patah perkataan**).”

Cadangan Pembedahan:

“Perkhidmatan Kesihatan Mental Komuniti ini bertujuan untuk mengurangkan jangka masa rawatan di wad, di samping membuat intervensi rawatan susulan di rumah selepas konsultasi dengan pakar (**22 patah perkataan**). Perkhidmatan ini juga membuat penilaian psikososial, memperkasakan sokongan keluarga atau penjaga sakit melalui pendidikan kesihatan dan mengesan gejala-gejala awal penyakit yang dikhuatiri akan berulang (**24 patah perkataan**).”

(Sumber: UM, 16 Oktober 2016, *Bunuh Diri & Sakit Mental*)

Berdasarkan Contoh Petikan 1, Contoh Petikan 2 dan Contoh Petikan 3, pengkaji mendapati bahawa penulis rencana menggunakan ayat majmuk gabungan dalam membentuk sesuatu ayat sekali gus menjadikan ayat tersebut terlalu panjang dan mengandungi penerangan yang berlebih-lebihan. Antara strategi yang boleh diaplikasikan oleh penulis untuk membentuk ayat yang lebih baik adalah dengan memisahkan beberapa isi penulisan kepada beberapa ayat. Elakkan juga menggunakan ayat majmuk pancangan gabungan kerana penggunaannya akan menyebabkan struktur ayat yang dibina menjadi terlalu panjang. Oleh hal yang demikian, penulis rencana perlu menitikberatkan pembentukan ayat yang pendek dan ringkas penerangannya agar kandungan rencana yang ingin disampaikan dapat diterima dan difahami dengan baik dan jelas oleh pembaca. Menurut Paimah Atoma (2004), penerangan ayat yang berlebih-lebihan dan pembentukan ayat yang panjang menyebabkan pembaca gagal untuk menghayati kandungan penulisan dengan berkesan.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa strategi penggunaan bahasa yang berkesan dalam penulisan rencana kesihatan ditentukan oleh pemilihan perkataan yang tepat, mudah difahami dan berpengaruh, di samping pembentukan ayat yang ringkas dan jelas serta mengandungi penerangan yang sewajarnya. Hal ini amat penting bagi memastikan tahap literasi dan kelancaran pembacaan dalam kalangan pembaca dapat dipertingkatkan. Menurut Sharil Nizam Sha'ri (2010), penggunaan bahasa yang tepat, standard dan segar akan menghasilkan penulisan yang berpengaruh, diminati dan sukar dilupakan oleh pembaca.

Dalam pada itu, pembaca tidak selamanya akan memahami apa-apa yang tertulis dalam sesuatu penulisan rencana berikutan rencana kesihatan mempunyai larasnya yang tersendiri dan istilahnya yang khusus. Pengkaji mendapati bahawa kekerapan penggunaan istilah jargon dalam bidang perubatan adalah disebabkan oleh bentuk rencana tersebut yang berlatar belakangkan perihal kesihatan. Penggunaan istilah tersebut merupakan suatu tindakan yang bijak daripada penulis untuk meningkatkan perbendaharaan kata dalam kalangan pembaca, di samping untuk menyebarkan perkembangan bahasa Melayu, khususnya berkaitan bidang perubatan. Namun begitu, untuk memastikan pembaca dapat memahami kandungan rencana dengan baik, setiap penggunaan istilah jargon sewajarnya disertai dengan definisinya atau penjelasan berkaitan dengannya. Di samping itu, Waterhouse (1989) menekankan setiap penulis untuk menitikberatkan penggunaan ejaan yang betul dalam penulisan kewartawanan. Namun begitu, kesalahan ejaan dalam sesuatu penulisan, termasuklah rencana menyebabkan pembaca menerimanya sebagai suatu yang betul. Hal ini seharusnya dielakkan bagi memastikan kewibawaan bahasa Melayu terus dipelihara. Dalam pada itu, penerangan ayat yang berlebihan juga harus dielakkan bagi memastikan kandungan rencana dapat disampaikan dengan tepat dan jelas.

Oleh itu, dalam usaha untuk menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat, bahasa yang digunakan dalam penulisan rencana kesihatan perlulah bersifat umum dan diketahui oleh masyarakat walaupun gaya penulisan rencana bergantung kepada topik kesihatan dan terikat dengan gaya penerbitan akhbar (*house style*). Kesimpulannya, semakin mudah sifat bahasa yang digunakan, semakin tinggi tahap literasi untuk dicapai oleh pembaca.

## Rujukan

- Agu, I. E. (2015). A linguistic-stylistic analysis of newspaper reportage. *International Journal of Research in Humanities and Social Studies*, 2(8), 20-27.
- Arba'ie Sujud. (2010). Perpaduan masyarakat dalam genre sastera dari perspektif sosio-stilistik. In Mohd Sharifudin Yusof, Arba'ie Sujud & Zaitul Azma Zainon Hamzah (Eds.), *Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya: Pemupukan Perpaduan* (pp. 402-411). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Azean Idruwani Idrus & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Analisis Kesilapan dalam Laporan Media: Morfologi dan Sintaksis. In Kamariah Kamaruddin, Arba'ie Sujud, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Samsina Abdul Rahman (Eds.). *Kelestarian Bahasa: Satu Rumpun Satu Ikatan*. (pp.18-31). Serdang: Penerbit UPM.
- Baker-Woods G., Dodd J. E., Ford K., Keller K., Plumley J.Jr., Smeyak G. P., Walsh-Childers K. (1997). *Mass media writing: An introduction*. Arizona: Gorsuch Scarisbrick.
- Ehineni, T. O. (2014). Lexical, structural and rhetorical features of Nigerian English print media. *Journal of Arts and Humanities*, 3(11), 26-32.
- Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa & Mohd Rajib Ab. Ghani. (2016). *Penulisan Media Massa*. Kangar: Penerbit UniMAP.
- Hamidah Abdul Wahab. (2012). Aspek kelewahan dalam laporan akhbar atas talian. *Issues in Languages Studies*, 1(2), 24-31.
- Hasna A. Rahmatu. (2013). Kohesi dalam Wacana Opini Media Tadulako. *Bahasa Dan Sastra*, 2 (1), 1-15.
- Jeniri Amir. (2005). *Dari Budaya ke Media: Mengangkat Suara Pinggiran di Sarawak*. Kota Samarahan: The Sarawak Press Sdn. Bhd.
- Kartini Abd. Wahab & Zulkifley Hamid. (2015). Hambatan memahami bahasa: satu penelitian ke atas teks berita dalam talian berbahasa Indonesia, Tempo.Co. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 493-514.
- Mior Kamarul Shahid. (2015). Bahasa: Sejauh manakah Media Peduli? *Dewan Bahasa*, 15(3), 8-10.
- Mohd Rajib Ab Ghani & Faridah Ibrahim. (1987). Objektiviti bahasa dalam kewartawanan. *Jurnal Komunikasi*, 3(1), 13-25.
- Nor Azuwan Yaakob. (2008). Penulisan kewartawanan Melayu: Kajian retorik terhadap kandungan akhbar Berita Harian (1957-1999). *Disertasi Doktor Falsafah*, Universiti Malaya.
- Paimah Atoma. (2004). Gaya persembahan dan kemahiran penulisan. *Jurnal Komunikasi*, 2(1), 18-26.

Roosfa Hashim. (2011). *Daripada tesis kepada buku*. Serdang: Penerbit UPM.

Sharil Nizam Sha'ri. (2010). Aplikasi Teori Dan Format Penyuntingan Bahan Linear Dalam Surat Khabar Bahasa Melayu. *Disertasi Doktor Falsafah*, Universiti Putra Malaysia.

Sharil Nizam Sha'ri & Mohd Hazreen Shah Hassan. (2016). Bahasa dan berita akhbar Tribun Putra dalam perkongsian maklumat warga kampus di Universiti Putra Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan (PASAK), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIM)*.

Sulaiman Masri & Razali Ayob. (2002). *Komunikasi Kewartawanan: Penulisan Berita, Rencana dan Ulasan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Waterhouse, K. (1989). *Waterhouse on Newspaper Style*. London: Penguin.